



ANALISA KEPERLUAN MODUL PEMBELAJARAN BAHASA ARAB UNTUK TUJUAN DEBAT

[NEEDS ANALYSIS OF AN ARABIC LANGUAGE LEARNING MODULE FOR DEBATING PURPOSES]

Mohd Ikhwan Abdullah^{1*}, Nur Hadirah Hanim Abu Bakar², Mohd Shahrizal Nasir³,
Ku Mohd Syarbaini Ku Yaacob⁴ & Mohamad Ikmal Hakimi Mohamad Helni¹

¹AbdulHamid AbuSulayman Kulliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan Ilmu,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur,
Malaysia

²Maahad Tahfiz Integrasi Sains Madinatul Huffaz, No 1-6, Lot 764, Lembah
Melewar, 8100 Gombak, Kuala Lumpur, Malaysia

³Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong
Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

⁴Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin,
Taman Seberang Jaya Fasa 3, 02000 Kuala Perlis, Perlis, Malaysia

* Corresponding Author: mohdikhwan@iium.edu.my

Received: 17/6/2025

Accepted: 16/7/2025

Published: 31/8/2025

Abstrak

Sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa debat mampu meningkatkan kemahiran berbahasa terutamanya kemahiran bertutur. Namun, terdapat dua persoalan yang masih memerlukan penyelidikan. Persoalan pertama berkaitan sejauh mana kualiti bahasa Arab para pendebat, terutamanya dalam menyusun ayat ketika menyampaikan hujah? Persoalan kedua, persepsi pelajar bukan pendebat yang melihat petuturan bahasa Arab melalui debat ini sebagai sukar. Atas dasar itu, sebuah modul pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan debat secara khusus dilihat perlu bagi memudahkan pembelajaran. Kajian ini bertujuan melihat sejauh mana keperluan membangunkan modul khusus pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan debat. Selain itu, kajian juga bertujuan mendapatkan pandangan pakar berkenaan kandungan dan reka bentuk bagi membangunkan modul ini. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah temu bual sebagai cara pengumpulan data. Tiga orang pakar dalam tiga buah bidang iaitu teknologi pengajaran, debat dan bahasa Arab telah ditemu bual. Data kemudian ditranskrip dan dianalisa secara manual. Hasil dapatan yang diperoleh

menunjukkan bahawa kesemua responden bersetuju terdapat keperluan membina modul pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan debat, selain mengemukakan beberapa saranan yang dapat membantu pembinaan modul ini dengan lebih efektif.

Kata kunci: analisis keperluan, kemahiran debat, modul, kajian kualitatif, kemahiran bertutur bahasa Arab

Abstract

Previous studies highlight that debate can enhance language skills, particularly speaking skills. However, there are two questions that still require further investigation. The first question concerns the extent of the Arabic language proficiency of debaters, especially in constructing sentences when presenting arguments. The second question relates to the perception of non-debating students, who view the use of Arabic in debates as challenging. On this basis, a specialized Arabic language learning module for debate purposes is deemed necessary to facilitate learning. This study aims to examine the need to develop a dedicated Arabic learning module for debate purposes. In addition, the study also seeks to obtain experts' perspectives on the content and design for developing this module. The study employed a qualitative approach using interviews as the method of data collection. Three experts from three fields – instructional technology, debate, and Arabic language – were interviewed. The data were then transcribed and analyzed manually. The findings indicate that all respondents agree on the need to develop an Arabic learning module specifically for debate purposes, while also providing several recommendations to help make the module more effective.

Keywords: *needs analysis, debating skills, module, qualitative study, Arabic speaking skills*

Cite as: Abdullah, M. I., Abu Bakar, N. H. H., Nasir, M. S., Ku Yaacob, K. M. S., & Mohamad Helni, M. I. H. (2025). Analisa keperluan modul pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan debat [Needs analysis of an Arabic language learning module for debating purposes]. *Afaq Lughawiyyah*, 3(2), 239–255. <https://doi.org/10.37231/afaq.2025.3.2.184>

© Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

PENDAHULUAN

Institusi pendidikan di seluruh dunia kini sudah mengintegrasikan kaedah debat pertandingan sebagai salah satu aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam kurikulum. Dari sudut ini, debat dilihat dapat menyumbang kepada pengukuhan kemahiran berbahasa pelajar melalui dialog yang sihat, khususnya sebagai kaedah dalam pembelajaran bahasa kedua. Menurut Shamshudeen & Rouyan (2021), aktiviti debat dapat membangunkan kecekapan asas berbahasa. Ia meliputi kemahiran menulis, membaca, bertutur, mendengar dan berfikir (Siddiq & Isnaini, 2025). Guru-guru melihat kecekapan ini sebagai asas penting dalam pembangunan intelektual pelajar. Hal ini kerana debat memerlukan pelajar mempraktikkan kemahiran berucap secara spontan, justeru mampu bertutur dengan fasih meskipun dalam tekanan. Oleh kerana seni penyampaian ucapan merupakan antara faktor yang menentukan keberkesanan sesebuah hujah, maka pendebat perlu memilih, menyusun dan

membentangkan bahan mereka dengan cara yang terbaik. Berdasarkan faktor-faktor ini, debat sememangnya menyumbang kepada pembangunan kecekapan linguistik pendebat (Mohd Naim & Che Haron, 2024). Kajian ini adalah langkah pertama sebelum fasa mereka bentuk dan membangunkan Modul Bahasa Arab untuk Perdebatan agar pelajar bahasa Arab bukan sahaja cemerlang dalam perdebatan, malah mampu menyampaikan mesej menggunakan bahasa Arab yang tepat dan betul.

Pengajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus

Hutchinson & Waters (1987) mendefinisikan pengajaran bahasa Inggeris untuk tujuan spesifik (*Teaching English for Specific Purpose*) sebagai: “an approach to language teaching in which all decisions as to content and method are based on the learner’s reason for learning” (p. 19). “Sebuah pendekatan pengajaran bahasa yang mana semua keputusan berkenaan kandungan dan pendekatan adalah berdasarkan tujuan mengapa pelajar belajar bahasa tersebut”. (ms 19)

Pendekatan ini berbeza dengan pengajaran bahasa Arab untuk tujuan umum, di mana kandungan pembelajaran bahasa disusun tanpa mengikut tujuan khusus keperluan pelajar. Dalam pendekatan bahasa Arab untuk tujuan khusus, keperluan pelajar sangat dititikberatkan dalam pembinaan unit pelajaran.

Ghani et al. (2019) menyenaraikan beberapa kajian berkaitan pengajaran bahasa Arab untuk tujuan khusus di Malaysia, antara lainnya: 1- Bahasa Arab untuk tujuan perundangan Islam, 2- Bahasa Arab untuk tujuan pengajian ketuhanan, 3- Bahasa Arab untuk tujuan haji, 4- Bahasa Arab untuk tujuan ekonomi, 5- Bahasa Arab untuk tujuan kejururawatan, 6- Bahasa Arab untuk tujuan sains, 7- Bahasa Arab untuk tujuan teknologi pertanian, 8- Bahasa Arab untuk tujuan pelancongan dan lain-lainnya. Jika dilihat dari senarai ini, modul khusus Bahasa Arab untuk debat belum pernah dibangunkan lagi setakat ini.

Komuniti Debat Bahasa Arab di Malaysia

Aktiviti debat sudah berkembang di Malaysia sejak awal 2000-an. Pelbagai pertandingan peringkat sekolah telah diadakan. Kejohanan Debat Antara Sekolah (*Interschool Debating Championship*) anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah memasuki edisi ke-22 pada tahun 2025. Manakala Debat MRSM anjuran MARA pula, telah dianjurkan sejak tahun 2009. Di peringkat universiti, debat bahasa Arab dipertandingkan di beberapa kejohanan besar. Antaranya Kejohanan Debat Diraja anjuran Sekretariat Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM), Pertandingan Debat Antara Universiti ASEAN (*ASEAN Intervarsity*) anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), IIUM International Arabic Open Debate (IIADO) anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan lain-lain. Di peringkat antarabangsa pula, Pusat Debat Qatar, Yayasan Qatar sedang memelopori kejohanan antara sekolah-sekolah dan universiti-universiti antarabangsa.

Selain itu, sebahagian IPTA telah menjadikan debat bahasa Arab sebagai kursus yang ditawarkan dalam pengajian bahasa Arab seperti di Universiti Islam

Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Ini membuktikan bahawa debat bahasa Arab sudah mempunyai komuniti yang boleh memberi impak yang besar dalam pembelajaran bahasa Arab. Oleh kerana komuniti debat bahasa Arab adalah komuniti yang besar dalam konteks pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, debat dilihat boleh menjadi salah satu aktiviti berbahasa Arab yang berupaya menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab. Oleh itu, kajian ini cuba mengetengahkan debat bahasa Arab sebagai wadah untuk memahami bahasa Arab untuk tujuan khusus, selain membantu pembelajaran bahasa Arab secara umum.

PERNYATAAN MASALAH

Kebanyakan kajian berkaitan debat bahasa Arab menumpukan kepada keberkesanan debat dalam aspek kefasihan bahasa (*fluency*). Walau bagaimanapun, tiada kajian yang telah dijalankan bagi meneliti laras bahasa yang digunakan secara kualitatif, sedangkan debat mempunyai laras bahasa tersendiri yang sepatutnya dikuasai oleh para pendebat. Ini kerana, struktur skematik dalam debat memerlukan pendebat menggunakan pelbagai ekspresi dalam ucapannya; bermula daripada pembinaan kes, definisi, sehinggalah kepada penghujahan, bidasan dan lain-lain.

Debat juga memerlukan penguasaan pelbagai corak bahasa seperti bahasa persuasif, perbandingan, afirmatif, negatif dan sebagainya. Kebanyakan pendebat bukan penutur jati boleh bertutur dalam bahasa Arab dengan lancar semasa berdebat. Walaupun lancar, laras bahasa yang mereka ujarkan kadangkala tidak menepati penggunaan penutur jati. Hal ini boleh menimbulkan masalah apabila mereka berdebat dengan penutur asli.

Tambahan pula, kebanyakan mereka masih melakukan kesalahan tatabahasa asas seperti padanan subjek-kata kerja/ subjek-predikat, i'rab dan sebagainya. Dalam bidang pengajaran bahasa untuk tujuan khusus (*Language for Specific Purposes*), belum ada modul yang direka khusus untuk tujuan perdebatan. Oleh itu, satu kursus bahasa Arab untuk tujuan khusus dalam perdebatan amat diperlukan untuk mewujudkan modul sistematik yang mampu meningkatkan kecekapan komunikatif dan kecekapan linguistik pendebat. Modul ini akan direka khusus untuk pelajar Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ).

OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya kajian ini bertujuan menjawab persoalan-persoalan berikut:

- 1) Apakah persepsi pakar berkaitan debat bahasa Arab?
- 2) Apakah isu dan permasalahan pembelajaran bahasa Arab melalui debat?
- 3) Sejauh manakah keperluan membangunkan dan menggunakan modul pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan debat secara khusus?
- 4) Bagaimanakah kecenderungan pakar tentang penggunaan modul pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan debat?

- 5) Apakah cadangan reka bentuk bagi modul pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan debat?

METODOLOGI

Reka bentuk kajian

Kajian ini adalah salah satu fasa daripada pendekatan Design and Development Research, (DDR) yang menggunakan model ADDIE, di mana fasa pertama adalah Analisa Keperluan. Analisa ini dijalankan secara kualitatif menggunakan kaedah temu bual. Pendekatan kualitatif digunakan kerana ia dapat memberikan jawapan yang mendalam mengenai persoalan sejauh manakah dan bagaimanakah sesuatu perkara itu terjadi (Gay & Airasian, 2003). Selain itu, kaedah kajian kualitatif juga boleh menjawab soalan serta menghuraikan isu yang tidak mampu dihuraikan oleh kajian kualitatif (Gay & Airasian, 2003).

Sampel Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mendapatkan pandangan tiga orang pakar berkenaan modul yang sedang dibangunkan ini. Setiap daripada mereka mempunyai kepakaran yang berbeza. Pakar pertama terdiri daripada professor dalam bidang pedagogi pengajaran bahasa Arab dari Kulliyyah Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Pakar kedua pula ialah jurulatih debat dari Pusat Debat Qatar, Yayasan Qatar yang mempunyai pengalaman selama 14 tahun. Manakala pakar ketiga merupakan penulis buku bahasa Arab dan penyampai slot Hayya Bil Arabiyyah Radio IKIM. Kesemua mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi bagi kajian ini.

Jadual 1 Latarbelakang responden yang terdiri daripada pakar tiga bidang

Aspek	Pakar 1 (P1)	Pakar 2 (P2)	Pakar 3 (P3)
Bidang kepakaran	Pendidikan Teknologi Pengajaran	Debat	Bahasa Arab
Tempat bertugas	Kulliyyah Pendidikan, UIAM	Yayasan Qatar	Pengasas Syarikat Aljahiz
Tempoh pengalaman	26 tahun	14 tahun	20 tahun

Prosedur Kajian

Prosedur temu bual yang dijalankan mengikut adalah berdasarkan tema yang diperoleh daripada sorotan literatur. Selain itu, soalan yang dibina telah disahkan oleh pakar kandungan yang terdiri daripada pensyarah kanan dari Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Arab, UIAM, pensyarah kanan dari Fakulti Pengajian Bahasa Utama USIM dan pensyarah kanan dari Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UNISZA. Kesemua mereka mempunyai pengalaman yang mencukupi dalam reka bentuk kajian DDR. Instrumen yang telah disahkan ditadbir kepada tiga orang pakar tersebut secara atas talian dan telah direkod dengan persetujuan mereka.

Analisa Data

Temu bual yang direkod ditranskrip dan disahkan oleh pakar sebelum dianalisa. Data kemudiannya dianalisa secara manual dengan cara mengeluarkan lima tema yang didapatkan dari sorotan literatur iaitu:

- i. Persepsi Berkaitan Debat Bahasa Arab
- ii. Isu dan Permasalahan Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat
- iii. Keperluan Menggunakan Modul Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat
- iv. Kecenderungan Penggunaan Modul Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat
- v. Cadangan Reka Bentuk Modul Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Tema 1: Persepsi Berkaitan Debat Bahasa Arab

1.1 Pandangan pakar tentang aktiviti debat sebagai medium pembelajaran bahasa Arab.

Ketiga-tiga pakar mempunyai pandangan yang positif berkaitan aktiviti debat sebagai medium pembelajaran bahasa Arab. Hal ini kerana debat itu sendiri merangsang kemahiran bertutur tahap tinggi yang melibatkan aktiviti bertutur secara spontan. Ini berdasarkan pandangan yang diutarakan oleh P2:

P2, MS 2, B2

“Debat adalah satu instrumen yang baik sebab dia mengumpulkan dua benda, satu, bertutur dalam bahasa arab secara spontan dan yang kedua, pertuturan level yang sangat tinggi, level advance”.

P1 optimis akan kemampuan debat dalam meningkatkan kemahiran berbahasa Arab:

P1, MS 2, B3:

"Jadi, dari segi maksud saya dari segi debat memang dapat meningkatkan kemahiran berbahasa Bahasa Arab."

P3 melihat bahawa pelajar yang menyertai debat mempunyai penguasaan bahasa Arab yang baik.

P3, MS 2, B1

"Ini apa yang saya nampak, pelajar-pelajar yang terlibat dengan aktiviti debat ni, Bahasa Arabnya bagus".

P3 juga berpendapat bahawa debat adalah pemangkin untuk terus hebat dalam bahasa Arab.

P3, MS 2, B4

"Jadi, saya rasa itu sudut yang sangat positif lah, maksudnya debat tu pemangkin dia untuk dia terus ke depan Bahasa Arab."

1.2 Mekanisme debat dalam meningkatkan kemahiran berbahasa Arab

Ketiga-tiga pakar menyebutkan mekanisme-mekanisme yang berlainan, tetapi kesemuanya bertitik-tolak daripada ciri-ciri yang ada pada aktiviti debat.

P1 melihat dari sudut kemahiran-kemahiran yang diaplikasikan sepanjang aktiviti debat.

P1, MS 2, B3

"Jadi, dari segi maksud saya dari segi debat memang dapat meningkatkan kemahiran berbahasa Bahasa Arab. Bukan dari segi bahasa sahajalah, dari segi kemahiran emosi, kemahiran berfikir mencari maklumat, menjawab dan sebagainya. Dia adalah satu pengalaman yang sangat berharga dan tidak boleh lagi dibuat".

P2 pula melihat ciri-ciri kemahiran bertutur yang ada pada debat, iaitu sifat 'memaksa bercakap':

P2, MS 2, B2

"Ada beberapa isu yang baik iaitu suasana debat itu menjadikan pelajar terpaksa bercakap, dia takde pilihan lain selain dia terpaksa bercakap. Ini adalah satu *force factor* yang membuatkan mahu tak mahu menyebabkan dia akan cuba, dia akan buat salah dan kita akan perbaiki kesalahan dia".

Faktor 'memaksa' ini disokong oleh P3:

P3, MS 3, B2

"Dia, ada faktor yang mendesak dia untuk berfikir macam mana nak kata benda ni. Itu sangat bagus pada sesiapa sahaja yang belajar Bahasa Arab"

P3 juga melihat kepada ciri-ciri psikologi yang ada pada debat.

P3, MS 3, B1

"Kesan utama debat ni seseorang tu akan berani berdepan, untuk ke depan bercakap dengan kawan ataupun bercakap dengan orang dalam Bahasa Arab.Dari sudut positifnya lagi, apabila dia berani ke depan, maksudnya dia sentiasa peka dengan kemampuan, dengan tahap Bahasa Arab dia. Dia sentiasa peka, dia akan usahalah untuk betulkan Bahasa Arab, sebutan, lajah dan juga apa nama uslub. Itu yang paling mustahak. Maksudnya dia telah letakkan diri dia dalam satu situasi nak taknak dia kene baiki Bahasa Arab dia. "

Tema 2: Isu dan Permasalahan Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat

2.1 Peranan modul dalam membuang rasa malu dan kurang yakin diri untuk bertutur bahasa Arab dalam arena debat.

P2 melihat bahawa debat itu sendiri mampu mengubah mentaliti pelajar. Namun, dengan adanya modul ini, ia mampu menambah keyakinan dengan menyediakan ayat-ayat dan istilah-istilah.

P2, MS 8, B1

"Debat itu sendiri telah berjaya menghilangkan rasa malu untuk membuatkan orang bercakap dalam konteks debat".

Hal ini disokong oleh P3.

P3, MS 10, B1

"Kalau satu modul dibuat, jadi, apa yang mereka katakan itu berdasarkan modul itu. Sudah tentu, dia akan menjadi yakin. Bila dia yakin, okaylah.."

Manakala P1 berpendapat, keyakinan akan ada apabila modul ini diwajibkan.

P1, MS 2, B3

"Ini pandangan sayalah, dia tak boleh lagi dibuat sebagai satu pelajaran elektif".

2.2 Bagaimanakah uslub ungkapan yang digunakan dalam modul ini boleh dimanfaatkan secara optimum?

P2 mencadangkan supaya kandungan modul ini mengajar bagaimana pelajar berinteraksi dengan situasi-situasi penghujahan dan pembidasan yang berbeza.

P2, MS 9, B1

“Untuk tafnid, dari sudut teknikal, ada beberapa option. Kalau kita setuju, tafnid dia begini, kalau kita tak setuju, tafnid dia begini. Kalau kita setuju, tapi ada kesan sampingan yang buruk, tafnid dia begini”.

P1 menyatakan bahawa kandungannya seharusnya melalui 3 frasa:

P1, MS 6, B8

“Cuma mungkin dari segi pelaksanaan, ada tiga fasa lah yang ana cadang. Fasa yang pertama tu, dia hafallah, dia gunakan, kita tengok okay dah betul. Fasa kedua, kita minta dia produce ayat dia sendiri. Fasa ketiga, yang ni perlukan kepada tenaga pelajar yang betul-betul ada pengalaman dengan munazoroh. Tak boleh main letak. Bila pelajar cakap, debat ayat baru dalam situasi sendiri, guru boleh respond supaya nampak pembetulan tu kat mana. P3 pula menyatakan bahawa pelajar perlu diajar cara meniru gaya bahasa”.

P3 menekankan soal pentingnya mengasimilasi ungkapan-ungkapan yang dituturkan orang Arab sendiri:

P3, MS 7, B1

“Pertama, kita kena bangkitkan ataupun kita kene suntik satu semangat kepada pelajar untuk meniru, apa nama meniru. Kita tak boleh mereka-reka uslub. Kita kene. Haaa orang kata apa suburkan satu perasaan di mana pelajar terbaik Bahasa Arab adalah pelajar paling pandai meniru, pelajar yang paling banyak meniru...”.

2.3 Kekurangan pada modul bahasa Arab yang fokus kepada satu tujuan khusus, *specific purposes* dan secara spontan.

Mengenai tema ini, kesemua pakar bersetuju bahawa tiada modul khusus untuk bahasa Arab untuk tujuan debat seperti ini. Namun, mereka berkongsi tentang kekurangan pada modul-modul lain yang juga mempunyai tujuan khusus dan mengajar berbahasa Arab secara spontan:

P1 menyatakan bahawa modul-modul sedia ada tidak menjurus kepada kemahiran debat:

P1, MS 1, B3

“Sebab sebelum ni memang ada, tapi namanya pun Arabic Language Skill, Speeching Skill dia tak menjurus. Debat teruslah”.

“Kalau yang secara spontan ni kan kalau kat malaysia ni memang takde, kalau buku bahasa arab pun, dia memang berat dia lebih kepada content, dia bukan dia nama je bahasa arab komunikasi tapi tak komunikasi pun, dia akhirnya pergi ke pembelajaran bahasa arab yang berat”.

P1, MS 7, B1

“Dari segi modul debat yang praktikal yang lebih santai, saya nampak takdelah kebanyakannya berat. Saya jumpa juga modul bahasa inggeris, tesl pun ada, Cuma dia punya syarah dia tu lebih kepada beratlah. Dia takde step 1, step 2. Dia orang kata apa, kalau orang bacapun, orang tutup. Dia terang teori, dia banyak theoretical. Dia kena modul yang lebih praktikal. Arahan, contoh apa kene buat? Arahan, contoh, ape kena buat. Dia bukan cerita teori. Ini munazoroh adalah penting, meningkatkan thiqoh. Orang awam pun tahu”.

P2 pula menyebutkan beberapa modul khusus yang pernah diwujudkan, tetapi ia tidak menjurus kepada pembelajaran bahasa, sebaliknya lebih menjurus kepada kemahiran berkomunikasi dalam bidang-bidang kepakaran yang berlainan:

P2, MS 11, B2

“Bukan takde. Kita ada, kita ada debate for health practitioner, kita ada for diplomatic staff. Kita ade debate... banyak jugak. Kita ade buat kos-kos tu tapi keutamaan dia bukan lagi tentang bahasa tapi untuk argument construction tapi banyaklah juga kita buat macam tu. Ada kat... tahun lepas sahaja kita buat, ada dengan staf bank, diplomat, nurse, ade jugak beberapa, banyak jugak kita buat ke arah itulah buat masa ni, tapi beza kontekslah sebab kami tak perlu ajar orang **berbahasalah**, dia lebih menekankan install elemen, debate element dalam kepakaran diorang”.

Tema 3: Keperluan Menggunakan Modul Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat

3.1 Keperluan kepada modul khusus pembelajaran bahasa Arab bagi tujuan debat secara khusus

Dalam tema ini, kesemua pakar bersetuju bahawa terdapat keperluan kepada modul ini.

Manakala P1 dan P2 bersetuju dengan keperluan kepada modul khusus pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan debat. Walaubagaimanapun, mereka

berdua mempunyai alasan yang tersendiri, di mana P1 menyatakan bahawa debat adalah kemahiran khusus, maka ia memerlukan modul khusus:

P1, MS 3, B4

“Dekat ni Arabic Language Skill, tapi dia longgokkan banyak sangat, munazoroh lah, ape lah, jadi ada munazoroh tapi teori ajelah. Sedangkan munazoroh itu sendiri, benda yang besar, mana boleh masukkan dengan khitobah dengan apa nama...”.

Manakala P3 berpendapat bahawa ia perlu ada modul khusus kerana debat itu sendiri mempunyai daya penarik tersendiri yang mampu menarik ramai mempelajari bahasa Arab:

P3, MS 5, B1

“Bila dia tertarik dengan modul contohnya belajar Bahasa Arab dengan Debat ni, mungkin orang ramai akan tertarik. Secara tak langsung, modul ni sendiri akan menarik minat orang yang nak berdebat...”.

P2, MS 9, B1

“Dan pada saya, berbincang tentang isu teknikal, modul ni sangat membantu. Kita boleh tekan perkataan, dan ayat-ayat yang sesuai dan jugak cara untuk beriterakasi dengan hujah yang berbeza...”.

Tema 4: Kecenderungan Penggunaan Modul Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat

4.1 Format atau pun kaedah yang membuatkan pakar cenderung untuk mengajar modul ini.

P2 menolak untuk menjawab soalan ini kerana ia tidak melibatkan bidang kepakarannya secara khusus iaitu pengajaran bahasa Arab.

Manakala P1 menyatakan bahawa beliau cenderung untuk mengajar menggunakan modul ini sekiranya ia adalah sebahagian daripada silibus universiti ataupun akademi di bawah universiti dan jika modul itu tidak berat ke arah teori sahaja.

P1, MS 8, B4

“Dia boleh jadi format mungkin dia boleh jadi subjek dalam subjek takhasus dalam 14 minggu tulah”.

“Dia tak boleh baca teori, dia kene pergi cakap, cakap, cakap”.

Ini pula respon P3:

P3, MS 11, B3

“Kalaulah saya pengajar debat Bahasa Arab, aaa di saat tidak ada modul yang... di saat modul tujuan khusus debat Bahasa Arab itu tidak ada, saya tidak ada pilihan melainkan saya akan ambil modul ni dan guna. Itu realiti dia dan saya rasa semua orang akan jawab jawapan yang sama. Berbanding saya yang nak buat, lebih baik saya akan guna modul yang telah pun ada dan modul tu pulak ditulis oleh orang yang terlibat dengan debat Bahasa Arab”.

Tema 5: Cadangan Reka Bentuk Modul Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Debat

5.1 Ciri-ciri khas dan unik yang mungkin boleh membuatkan modul ini menarik ramai pelajar untuk bertutur dalam bahasa Arab.

P1, MS 10, B2

“Terbimbing kaedahnya. Terbimbing tu makna dia ada bimbingan secara khusus dan berkumpulan, secara individu”.

P1 berpendapat bahawa modul ini jika mahu menjadi unik, mesti didigitalkan.

P1, MS 10, B3

“Kalau boleh, digitalkan dalam bentuk sound dan video tu. Dia tekan keluar ayat, dia keluar ayat, dia tekan tu keluar sound masuk dalam telinga dia, dalam hati dia”.

Hal ini disokong oleh P3.

P3, MS 13, B5

“Dr. kene carilah, buat carian apa nama... perdebatan-perdebatan dalam Bahasa Arab pastu pautan-pautan nanti mesti simpan ataupun download untuk diberikan pada pendengar. Contohnya, al-ittijah al mu’aakis”.

P3 memperincikan lagi cara iaitu dengan memotong-motong video dan perlu ada naskhah untuk guru sebagai bimbingan buat mereka”.

P3, MS 14, B1

“Contohnya... Ada satu ni, ada satu program. Al-ittijah al-ma’aakis. Jadi, al-ittijah al-ma’aakis ni, Dr. boleh kumpul video-video dia, bagi pelajar debat ni dengar mungkin boleh potong, potong, potong, potong dengan kemudian tulis balik apa dia cakap tu pastu tunjuk pada bahagian-bahagian tertentu”.

Selain itu, modul ini seharusnya bersifat memandu dan membimbing, bukan sekadar penyampaian maklumat

P3, MS 14, B5

“Pendengar dia mesti dipandu lah... pendengar yang mesti dipandu oleh modul ni. Modul ni mesti pandu dia, modul ni mesti bimbing dia, kalau dengar saja tak jadi...”.

P3 juga menyarankan supaya modul ini menyediakan naskah guru sebagai bimbingan pengajaran:

P3, MS 15, B2

“Guru punya nuskah, guru punya CD, nuskhatul mu’allim... nuskhak lil mu’allim ni. Dia akan dapat cd. Dalam cd tu ada segala video. Semua video-video yang Dr. pilih, semua ada dalam cd tu”.

P2 menyarankan supaya aspek latihan berbentuk pertandingan perlu menjadi asas dalam aktiviti modul:

P2, MS 12, B4

“Jadi, ini antara benode yang boleh diluaskan modul ini adalah latihan-latihan praktikal sebab latihan praktikal ni penting”.

“Jadi, pada saya ada dua isu lah dekat sini. Satu, memasukkan elemen pertandingan dalam debat dan yang kedua, latihan-latihan praktikal untuk tujuan penambahbaikan”.

5.2 Bagaimanakah bidang kepakaran Tuan dapat membantu menghasilkan modul debat bahasa Arab?

P1, MS 10, B6

“Secara generalnya, mungkin dari segi kesesuaian uslublah, kesesuaian content dengan aktiviti... Proses penyusunan modul ni dari segi education lah, dia lebih kepada aspek pedagolgi”.

P3, MS 12, B1

“Hmm, apa nama... kalau dari sudut modul itu, mungkinlah saya boleh lihat, saya boleh bagi pendapat berhubung dengan susunan, susunan rangka tajuk tu. Maknanya rangka tajuk itu, kita mesti susun mengikut keperluan pelajar, mengikut keperluan dia”.

5.3 Jenis penilaian yang sesuai bagi modul ini

P1 menekankan perlu adanya penilaian secara individu dan berkumpulan dan guru perlu memberikan maklum balas, bukan sekadar memberi markah.

P1, MS 11, B4

“Dia, assessment ni disebabkan kemahiran jadi dia punya assessment tu dia bukan, dia akan melibatkan assessment berterusan dengan assesment akhir. Assessment akhir. Tapi dia kebanyakan berterusanlah dia kene setiap aktiviti kene ade penilaian, jadi kita betulkan kesilapan. Mungkin dia bukan kesilapanlah, kadang kita sibuk. Pelajar kita daripada minggu satu kita nampak dah dia lemah, kita bagi markah. Tetapi kita sekadar bagi markah dan dia mengulang kesilapan tu. Nampak tak? Pelajar kita belajar bahasa arab 4 tahun, kenapa dia masih ulang kesilapan tahun 4 dia salah lagi, daripada tingkatan 1,2,3,4,5 dia salah lagi kerana kita cuma bagi markah”.

P2 berpendapat bahawa penialainnya mesti debat.

P2, MS 13, B2

“Pada saya, assessment yang sangat asas dan paling mudah dilaksanakan adalah pada hujung modul itu dia mesti debat”.

Dari sudut apa yang dinilai, P2 berpendapat ia mestilah menilai usaha yang dihasilkan pendebat itu sendiri.

P2, MS 13, B2

“Penilaian yang kita buat itu dengan melihat pendebat membentangkan idea dia, itu sebenarnya telah memadai untuk kita faham sejauh mana effort yang dia telah letak sebelum itu untuk peringkat awal”.

“Selain itu, P2 juga menjadikan kemampuan seseorang untuk bercakap secara spontan dalam masa 6 minit sebagai kayu ukur”.

P2, MS 13, B2

“Pada saya, mungkin assesment ni boleh berterusan untuk beberapa kali sepanjang sesi/ semester contohnya. Tapi kalau kita boleh menjadikan satu orang yang mampu bertutur 6 minit pada tajuk-tajuk yang berbeza secara spontan. Ini telah cukup untuk kita nilai dia sebagai... ini telah cukup untuk kita jadikan sebagai mekanisme untuk tahu dia ni pendebat yang sangat hebat, yang okay sahaja, yang tak mencapai target”.

P2 juga berpendapat penilaian tidak perlu terlalu rumit. Cukup sekadar dapat memastikan pelajar mampu bertutur secara spontan.

P2, MS 14, B1

“Dan saya bimbang kalau kita masukkan unsur yang rumit ini, kita akan, kita akan terlepas pandang talent”.

P3 melihat penilaian perlu menjurus ke arah pelajar dapat berdikari.

P3, MS 16, B5

“Bagi satu latihan, latihan ni adalah untuk membina apa nama, membina pelajar itu, membina keupayaan dia untuk dia berdiri ataupun untuk dia berjalan sendiri. Kita bagi dia satu video, video tu jugak dimasukkan ke dalam cd tu, cd nuskah mua'allimin tu, bagi satu video perdebatan antara dua pihak. Kemudian, dalam lebih kurang dalam 15 minit. Kemudian, minta dia keluarkan apa yang dia rasa dia boleh guna dalam perdebatan ini. Kita nak tengok sejauh mana dia boleh bergerak sendiri”.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dapatan hasil temu bual bersama para pakar dalam tiga bidang berbeza menunjukkan keperluan pembangunan modul pembelajaran Bahasa Arab untuk tujuan debat sebagai salah satu cabang bidang pengajaran Bahasa Arab untuk Tujuan Khusus (*Arabic for Specific Purposes*). Pakar yang terlibat dalam sesi temu bual telah memberikan justifikasi yang jelas tentang keperluan pembinaan modul bacaan

ini. Hal ini jelas dari persepsi mereka sendiri terhadap aktiviti debat yang mampu meningkatkan kemahiran berbahasa Arab. Ini bertepatan dengan kajian-kajian lepas yang membuktikan keberkesanan debat dalam meningkatkan kemampuan berbahasa (Mohd Naim & Che Haron, 2024; Bakar et al., 2021). Hal ini disebabkan faktor 'pendesak' yang ada pada debat sehingga mampu menyelesaikan beberapa permasalahan yang dikaitkan dengan aktiviti debat. Antaranya menghilangkan rasa takut dan malu. Mohamad (2009) menyatakan bahawa perasaan malu adalah penghalang utama untuk pelajar untuk tidak berbahasa Arab. Perasaan negatif itu digantikan dengan perasaan ingin menang dan meyakinkan pihak lawan. Selain itu, modul ini juga diharapkan dapat membekalkan pelajar dengan ungkapan-ungkapan yang sesuai dengan laras bahasa debat bahasa Arab bagi mengurangkan jurang bahasa, khususnya ketika berdebat dengan pasukan dari negara-negara penutur jati bahasa Arab. Dari sudut ketersediaan, para pakar bersetuju bahawa modul seperti ini belum pernah diwujudkan, sekaligus memberi isyarat akan keperluannya untuk dibangunkan. Para pakar juga memberi beberapa saranan bagi menambahbaik cadangan awal modul ini dari sudut kandungan dan cara penyampaian. Melalui dapatan ini, modul bahasa Arab untuk tujuan debat dapat dibangunkan dengan mengambil kira aspek-aspek kandungan, gaya persembahan dan penilaian.

PENGHARGAAN

Pihak penyelidik merakamkan penghargaan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang telah membiayai kajian ini menerusi Jamalullail Responsible Research Grant Scheme (JRRGS), nombor geran JRRGS24-001-0001.

CONFLICTS OF INTEREST: The authors declare that they have no conflicts of interest.

ETHICS STATEMENT: This study was conducted in accordance with ethical principles and academic integrity. All procedures were carried out responsibly, with informed consent obtained from participants and strict confidentiality maintained.

REFERENCES

- Bakar, K. A., Alias, N. A., & Marzuki, A. A. (2021). Debate in communicative Arabic as a foreign language learning. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(3), 165–177.
- Ghani, M. T. A., Daud, W. A. A. W., & Ramli, S. (2019). Arabic for specific purposes in Malaysia: A literature review. *Issues in Language Studies*, 8(1), 1–14. <https://doi.org/10.33736/ils.1293.2019>

- Gay, L., & Airasian, P. (2003). *Educational research: Competencies for analysis and application* (7th ed.). Pearson Education.
- Hutchinson, T., & Waters, A. (1987). *English for specific purposes: A learning-centred approach*. Cambridge University Press.
- Mohamad, A. H. (2009). Tahap komunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar sarjana muda bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 1-14.
- Mohd Naim, N. K., & Che Haron, S. (2024). Arabic debate and its impact on Arabic speaking skills. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(3), 235-244. <https://www.al-qanatir.com/aq/article/view/733>
- Mohamed, A. S., Mustapha, N. F., Mohamad, A. H., Shamshudeen, R. I., & Rouyan, N. M. (2021). Oral communication strategies preferences in Arabic debate among non-Arabic speakers. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(9), 131-151. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v11-i9/10758>
- Siddiq, S. M., & Isnaini, R. L. (2025). Management of extracurricular munazharah ilmiah: Implications for critical thinking skills, istima' and kalam. *Ijaz Arabi Journal of Arabic Learning*, 8(2). <https://doi.org/10.18860/ijazarabi.v8i2.31089>